

Pas, DAP tidak tahu kenang budi

BY CHOO OCT 1990

3

Oleh SHAHARUDIN LATIF

KULIM: Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana parti pembangkang, khususnya DAP dan Pas tidak pernah berterima kasih atas pengorbanan yang diberikan oleh pasukan keselamatan.

Sambil menyifatkan kedua-dua parti itu sebagai tidak tahu mengenang budi, Perdana Menteri berkata, adalah mendukacitakan kerana pengorbanan pasukan keselamatan, khususnya polis dan tentera, tidak dikenang oleh golongan itu.

"Malah, Pas dalam beberapa kejadian, termasuk di Memali suatu ketika dulu, jelas menunjukkan sikapnya yang tidak berterima kasih. Di Memali, Pas sanggup menyerang dan mencederakan anggota keselamatan dan selepas itu menganggap diri mereka wira.

"Macam mana mahu dianggap wira sekiranya yang diserang itu adalah orang yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara," katanya di majlis perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) daerah Kulim di Dewan Serbaguna Kelang

Lama, di sini, semalam,

Beliau juga menjelaskan empat bulan dulu, beberapa ahli Pas menahan seorang pegawai polis dan mengurungnya.

Mereka menjadikannya pegawai polis itu sebagai tebusan dan meminta polis melepaskan seorang ahli Pas yang ditahan atas kesalahan jenayah.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan pemimpin Islam, termasuk Pas, supaya tidak menjual nama Allah, semata-mata mahu memancing undi kerana perbuatan itu tidak direndai.

Menurutnya, pemimpin Pas sepatutnya sedar bahawa perbuatan mereka menjual nama Allah kini dibalas apabila mereka sendiri bersekongkol dengan parti bukan Islam yang sebelum ini mereka anggap sebagai perbuatan kafir.

Bercakap dengan pemberita kemudian, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meminta parti yang bertanding supaya mengelak dari pada menimbulkan isu sensitif serta tidak membuat ugutan ketika dan selepas pilihanraya ini.